



Pemenang pingat emas bagi 5 kategori yang dipertandingkan bergambar bersama-sama.

# UMS mula tunjuk taring

BH 30.10.2012 36

» Raymond Toh cemerlang raih dua emas

■ Nilai

Universiti Malaysia Sabah (UMS) menguasai kutipan pingat pada hari pertama Sukan Institusi Pengajaran Tinggi (SUKIPT) 2012 apabila meraih dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa, semalam.

Universiti Help di tangga kedua selepas memenangi satu emas, dua perak dan satu gangsa diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) pada kedudukan ketiga dengan

satu emas dan satu perak.

Dalam acara taekwondo, satu-satunya acara yang berlangsung di Stadium Tertutup Niali, atlit UMS, Raymond Toh Meng Hui cemerlang apabila meraih dua emas bagi kategori poomsae individu dan berpasukan lelaki, yang turut dianggotai Yeo Kok Siang serta Mohd Fakhru Razi Sazzali.

## Tewaskan atlit UTAR

Bagi acara poomsae individu, Raymond, 22, memungut 7.20 mata untuk menumpaskan atlit Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Chew Wei Yan, yang memungut 7.17 mata manakala pingat gangsa milik Too Lap Weng dari Uni-

versiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan 7.13 mata.

## Sasar SUA di Laos

“Saya bersyukur dan berpuas hati dengan prestasi hari ini (semalam). Sasaran selepas ini ialah meraih pingat emas pada temasya Sukan Universiti ASEAN (SUA) di Laos pada Disember depan.

“Namun, masih banyak kelebihan yang perlu diperbaiki sebelum bertanding di Laos,” kata Raymond yang mula aktif acara poomsae sejak Februari lalu di bawah bimbingan jurulatih Lee Min Hee dari Korea Selatan.

Dalam kategori poomsae berpasukan, trio UMS meraih

tempat pertama dengan puangutan 7.53 mata, mengepikan cabaran Universiti Help yang memperoleh 6.27 mata manakala atlit Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tangga ketiga dengan 6.24 mata.

## Poomsae berpasukan

Raymond, pelajar ijazah sarjana muda jurusan sains sosial UMS berkata mensasarkan pingat emas dalam acara poomsae berpasukan pada temasya SUA di Laos kelak.

Sejumlah 10 pingat emas ditawarkan pada hari kedua SUKIP hari ini, yang membabitkan lapan saingan akhir dalam acara renang dan dua bagi bowling.

BERNAMA